

# **CADANGAN – CADANGAN PEMBENTUKAN PERATURAN PERATURAN PILIHAN RAYA (UNDI AWAL)**

Disediakan oleh:

**Stephen Koh Eng Sang  
Danesh Prakash Chacko**



# **Cadangan - Cadangan penggubalan PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENGUNDIAN AWAL) 2025**

---

## **Pendahuluan**

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENGUNDIAN AWAL) 2025 adalah satu peraturan yang menggariskan prosedur dan garis panduan untuk melaksanakan pilihan raya pengundian awal di Malaysia. Pada masa kini, Malaysia tidak mempunyai peraturan asing untuk proses pengundian awal. Disebabkan itu, kami, TindakMalaysia Network Services PLT (“Tindak Malaysia”), berpendapat bahawa penggubalan peraturan ini amat penting kerana ia memberi struktur yang jelas mengenai cara pilihan raya pengundian awal diadakan, menguruskan proses perjalanan pilihan raya pengundian awal, serta memastikan bahawa proses pemilihan dilaksanakan dengan adil dan teratur.

Cadangan penggubalan PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENGUNDIAN AWAL) 2025 bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam pelaksanaan pilihan raya di Malaysia.

Cadangan yang kami mengemukakan merangkumi beberapa aspek di mana kami berpendapat harus diutamakan:

1. Tentukan pengundi yang mempunyai hak untuk mengundi awal
2. Siarkan senarai individu yang dilantik sebagai pegawai atau kakitangan bertugas dalam pilihan raya undi awal dan membenarkan orang awam untuk menyemak
3. Benarkan bantahan dikemukakan oleh parti politik terhadap pelantikan yang dibuat oleh pegawai pengurus
4. Senarai pengundi yang layak mengundi awal hendaklah diserahkan kepada calon pilihan raya atau ejennya secepat mungkin dan tidak lewat daripada tujuh (7) hari sebelum hari pengundian awal.
5. Proses pengundian awal mesti mengutamakan ketelusan, dengan pemantauan oleh wakil-wakil parti politik, pemerhati tempatan, dan antarabangsa.

Dilampirkan dalam Lampiran adalah satu draf yang mengandungi pindaan tersebut secara teliti.

## **PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENGUNDIAN AWAL) 2025**

DI BAWAH kuasa yang diberikan oleh seksyen 16 Akta Pilihan Raya 1958 [Akta 19], Suruhanjaya Pilihan Raya dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat peraturan-peraturan berikut:

### **1. Tajuk ringkas.**

(1) Peraturan-peraturan ini boleh dinamakan sebagai *Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Awal) 2025*.

(2) Peraturan-peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada .....

### **2. Tafsiran.**

Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

"*ejen mengira undi*" bermaksud ejen mengira undi yang dilantik di bawah peruntukan seksyen 14 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954;

"*ejen pilihan raya*" mempunyai makna yang sama seperti dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954;

"*ejen tempat mengundi*" bermaksud ejen tempat mengundi yang dilantik di bawah peruntukan seksyen 14 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954;

"*kertas undi*" mempunyai makna yang sama seperti dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981;

"*kertas undi ditolak*" mempunyai makna yang diberikan oleh peraturan 25(7) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981;

"*kertas undi pos*" dan "*pengundi pos*" mempunyai maksud yang sama seperti dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003;

"*kertas undi rosak*" mempunyai makna yang diberikan oleh peraturan 21 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

"*pegawai pengurus*" bermaksud pegawai yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Pilihan Raya 1958 dan termasuk penolong pegawai pengurus;

"*parti politik*" bermaksud mana-mana pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335], yang mana Suruhanjaya Pilihan Raya berpuas hati merupakan parti politik dalam pengertian Akta tersebut;

"*peti undi*" mempunyai makna yang sama seperti yang diperuntukkan oleh Peraturan 18 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 (Pindaan 2024) atau karung boleh dikunci yang digunakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menyimpan atau menghantar kertas undi;

"*pemerhati barung*" bermaksud pemerhati barung yang dilantik di bawah peruntukan seksyen 26A Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954;

"*pemerhati pilihan raya*" bermaksud mana-mana individu atau badan, sama ada tempatan atau antarabangsa, yang telah dijemput oleh Suruhanjaya Pilihan Raya untuk memantau perjalanan pilihan

raya;

"Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya)" bermaksud Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 (Pindaan 2024);

"Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos)" bermaksud Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003;

"pilihan raya kecil" bermaksud pilihan raya yang diadakan bagi tujuan mengisi kekosongan ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri yang timbul selain daripada akibat pembubaran;

"pilihan raya umum" bermaksud pilihan raya umum pertama bagi anggota Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri atau pilihan raya umum selepas pembubaran;

"pusat pengundian awal" bermaksud pusat pengundian yang ditubuhkan bagi pengundian awal untuk satu atau lebih kawasan pilihan raya bagi Negeri atau Wilayah Persekutuan;

"saluran pengundian awal" bermaksud saluran mengundi yang ditubuhkan bagi pengundian awal untuk satu atau lebih kawasan pilihan raya Parlimen dan Negeri, jika ada;

"saluran mengundi" bermaksud mana-mana bangunan yang boleh diakses oleh orang awam, termasuk hospital bagi pengundi awal yang merupakan penghuni hospital, untuk digunakan bagi pengundian awal dan tidak termasuk bangunan angkatan tentera atau di dalam kem polis;

"tanda" termasuk membuat tanda atau menurunkan cap jari;

"tempat yang dilantik" bermaksud tempat yang dilantik di bawah seksyen 7 Akta Pilihan Raya 1958 untuk penubuhan pusat mengundi atau pusat-pusat mengundi;

"wakil parti politik" bermaksud seseorang yang dilantik di bawah peruntukan seksyen 27A Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954;

### **3. Orang yang berhak mengundi sebagai pengundi awal**

(1) Mana-mana orang yang telah mendaftar sebagai pemilih Parlimen atau Negeri di bawah Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, dan adalah —

(a) seseorang yang dirujuk dalam perenggan 27A(1)(a) dan (c) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 yang bertugas sepenuh masa dan tidak dapat mengundi pada hari mengundi;

(b) seseorang yang dirujuk dalam perenggan 27A(1)(bb) yang diperakui Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 oleh Suruhanjaya Pilihan Raya sebagai pegawai pilihan raya, calon, ejen pilihan raya, ejen calon, ejen luar negara atau wakil parti politik dan diwajibkan bertugas sepenuh masa pada hari mengundi;

(c) anggota mana-mana kategori orang yang dilantik sebagai pengundi awal oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam Warta, dan diwajibkan melaksanakan tugas berkaitan pilihan raya pada hari mengundi;

#### **4. Pelantikan ketua tempat mengundi**

Peraturan ini hendaklah selaras dengan Peraturan 12. Pelantikan ketua tempat mengundi dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

#### **5. Pelantikan pegawai dan kakitangan lain**

(1) Tertakluk kepada arahan am atau khas daripada Suruhanjaya Pilihan Raya, setiap pegawai pengurus hendaklah melantik, dan boleh membatalkan pelantikan, mana-mana pegawai atau kakitangan lain untuk membantu pegawai pengurus di setiap saluran mengundi bagi kawasan pilihan rayanya. Kriteria dan prosedur pelantikan adalah seperti berikut:

- (a) pelantikan hendaklah dibuat dengan usaha yang munasabah dalam merekrut daripada kalangan anggota awam atau masyarakat sivil sebelum mempertimbangkan untuk mengambil daripada perkhidmatan awam atau syarikat berkaitan kerajaan. Pemegang jawatan dalam parti politik hendaklah dikecualikan;;
- (b) sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum pelantikan, nama dan butiran pegawai serta kakitangan yang dicadangkan untuk dilantik hendaklah dipaparkan di setiap pejabat pilihan raya dan diserahkan kepada semua parti politik;
- (c) bantahan terhadap pelantikan individu yang dicadangkan boleh dibuat oleh mana-mana pemilih atau parti politik kepada Suruhanjaya Pilihan Raya dalam tempoh 7 hari selepas tarikh paparan dan penyerahan seperti dinyatakan dalam subseksyen 1(b) di atas;
- (d) apabila Suruhanjaya Pilihan Raya menerima bantahan berdasarkan proses konsultasi, ia hendaklah mempertimbangkan bantahan tersebut dan membuat keputusan selepas memberikan peluang untuk didengar kepada pemilih atau parti politik yang membuat bantahan serta individu yang dicadangkan untuk dilantik;
- (e) Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah mengemukakan laporan penuh mengenai bantahan tersebut dan keputusannya dengan menyatakan alasan bantahan serta sebab-sebab keputusan sama ada untuk meneruskan pelantikan atau sebaliknya;
- (f) jika Suruhanjaya Pilihan Raya tidak menerima bantahan dalam tempoh 7 hari selepas tarikh paparan dan penyerahan seperti dinyatakan dalam subseksyen 1(b) di atas, ia boleh meneruskan untuk mengesahkan pelantikan pegawai dan kakitangan tersebut. Keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya adalah dianggap muktamad.

(2) Pegawai dan kakitangan lain tersebut hendaklah berada di bawah pengawasan atau arahan am pegawai pengurus atau pegawai lain di saluran mengundi kawasan pilihan raya berkenaan.

Sekiranya pelantikan bagi baki pegawai dan kakitangan tidak dapat dibuat daripada kalangan yang disebutkan di atas setelah usaha yang munasabah telah dibuat untuk merekrut, Suruhanjaya Pilihan Raya boleh melantik individu yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam yang bukan ahli mana-mana parti politik atau pekerja mana-mana syarikat yang mempunyai kaitan dengan kerajaan atau kedua-duanya

#### **6. Kemudahan di pusat mengundi dan saluran mengundi**

(1) Peraturan ini hendaklah selaras dengan Peraturan 13. Kemudahan di pusat mengundi dan saluran mengundi dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

## **7. Hari pengundian awal**

Pegawai pengurus hendaklah memberikan setiap calon, ejennya, atau ejen lain yang dilantik oleh ejen pilihan raya atau calon, satu salinan Borang 8 Notis Pilihan Raya Yang Dipertandingkan dalam Subperaturan 11(5) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981, yang menyatakan tarikh/hari mengundi awal, iaitu tidak boleh lebih awal daripada dua (2) hari sebelum hari mengundi.

## **8. Daftar pemilih pengundi awal**

Daftar pemilih pengundi awal hendaklah diserahkan kepada setiap calon atau ejennya segera setelah pengisytiharan bahawa terdapat pilihan raya pada hari penamaan calon, di mana nama-nama tersebut telah diketahui dan, dalam semua kes lain, tidak lewat daripada tujuh (7) hari sebelum hari mengundi awal.

## **9. Kemasukan ke saluran mengundi**

Peraturan ini hendaklah selaras dengan Peraturan 15. Kemasukan ke Saluran Mengundi dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

## **10. Penandaan had saluran mengundi**

Menjadi tanggungjawab setiap ketua tempat mengundi, tertakluk kepada arahan am Suruhanjaya Pilihan Raya, untuk menandakan had saluran mengundi di mana dia dilantik untuk mengurus.

## **11. Pemilihan melalui kertas undi dan kertas undi**

Peraturan ini hendaklah selaras dengan Peraturan 17. Pemilihan melalui Kertas Undi dan Kertas Undi dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

## **12. Peti undi**

Peraturan ini hendaklah selaras dengan Peraturan 18. Peti Undi dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

## **13. Bahan Pilihan Raya**

Peraturan ini hendaklah selaras dengan Peraturan 18A. Bahan Pilihan Raya dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

## **14. Cara pengundian**

Peraturan ini hendaklah selaras dengan Peraturan 19. Cara Pengundian dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

(1) Dokumen pengenalan tambahan yang dirujuk dalam Peraturan 19 (1A) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 boleh diterima untuk mengenal pasti pengundi.

## **15. Ketidakpatuhan kepada cara pengundian**

Peraturan ini hendaklah selaras dengan Peraturan 19A. Ketidakpatuhan kepada Cara Pengundian dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

## **16. Akuan oleh pengundi**

Peraturan ini hendaklah selaras dengan Peraturan 20. Akuan oleh Pengundi dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

## **17. Kertas undi rosak**

Peraturan ini hendaklah selaras dengan Peraturan 21. Kertas Undi Rosak dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

**18. Penutupan pengundian**

Peraturan ini hendaklah selaras dengan Peraturan 23. Penutupan Pengundian dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 kecuali bahawa penutupan tidak boleh melebihi pukul lima petang dua hari sebelum hari pengundian biasa.

**19. Tempat pengiraan undi**

Tertakluk kepada peraturan ini, undi oleh pemilih di mana-mana saluran mengundi hendaklah dikira di saluran mengundi tempat pemilih tersebut mengundi, mengikut prosedur yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan ini.

**20. Prosedur selepas penutupan pengundian**

Peraturan ini hendaklah selaras dengan Peraturan 24. Prosedur Selepas Penutupan Pengundian dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

**21. Pengiraan undi oleh ketua tempat mengundi**

Peraturan ini hendaklah selaras dengan Peraturan 25. Pengiraan undi oleh ketua tempat mengundi dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981 kecuali bahawa pengiraan hendaklah dimulakan sejurus selepas penutupan hari pengundian awal.

**22. Penjagaan dokumen pilihan raya**

Peraturan ini hendaklah selaras dengan Jadual 7, Penjagaan Dokumen Pilihan Raya dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

**23. Pelupusan kertas undi, dan lain lain.**

Peraturan ini hendaklah selaras dengan Peraturan 25E. Pelupusan Kertas Undi, dan lain lain dalam Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya) 1981.

---

**Jadual:** Tiada